

UNISSA dan UiTM mantapkan jalinan kerjasama

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (duduk, tengah) menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diwakili oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (duduk, kanan) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia yang diwakili oleh Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said (duduk, kiri).

BERAKAS, Sabtu, 25 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang ingin terus menempa dan melonjakkan keberadaannya di barisan institusi pengajian tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa.

Oleh itu, UNISSA beriltizam dan meletakkan hasrat yang tinggi untuk mempelajari amalan-amalan terbaik dari mana-mana institusi pengajian tinggi lainnya yang mempunyai reputasi terbaik dalam berbagai aspek dan kejayaan yang diraih.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia yang berlangsung di Dewan Utama Bangunan Baharu, Kementerian Pendidikan, Berakas, di sini.

Dr. Awang Haji Norarfan menjelaskan, hasrat dan iltizam UNISSA sebagai sebuah Universiti Islam Tulen akan tetap dipertahankan bahkan dipertingkatkan mutu dan peranannya dari semasa ke semasa.

"Di sini, UNISSA telah mengenal pasti bahawa UiTM adalah antara rakan strategik yang dapat membantu membawa UNISSA bergerak ke hadapan sebagaimana yang dihasratkan," katanya.

Majlis penandatanganan bagi membarui MoU tambahnya, memberi suntikan semangat dan kekuatan pada UNISSA dalam mengeratkan dan menguatkan peranan, sumbangan dan penglibatannya dalam mengembangkan ilmu di rantau ini.

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said dalam ucapan balasnya antara lain menjelaskan kunjungan berkenaan merupakan kesinambungan kepada kerjasama yang sedia terjalin di antara kedua-dua buah universiti.

Yang Berbahagia Profesor menyatakan, kerjasama berkenaan amat penting dalam usaha untuk memantapkan pelbagai jalinan kerjasama, bukan hanya dalam aspek akademik tetapi juga dalam aspek-aspek lain yang boleh memberi manfaat kepada pelajar, warga universiti dan masyarakat keseluruhannya bagi kedua-dua buah negara.

"Saya yakin dan percaya, MoU yang dimeterai pada hari ini merupakan komitmen UiTM dan UNISSA untuk bekerjasama dalam pelbagai bidang, iaitu penyelidikan dan penerbitan, perkongsian sumber mobiliti penyarah dan pelajar, pemeriksa luar serta penganjuran Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) dengan UiTM Sarawak dan UiTM Sabah yang diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir di universiti Kepulauan Borneo dan program-program kerjasama lain yang diterokai dan diperkembangkan dari semasa ke

semasa," tambahnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penandatanganan tersebut ialah Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Pembaharuan MoU tersebut adalah dihasratkan untuk meningkatkan lagi hubungan kerjasama yang sedia terjalin di antara kedua-dua buah institusi pengajian tinggi tersebut, lebih-lebih lagi dengan terdapatnya kampus UiTM Cawangan Sarawak dan UiTM Cawangan Sabah yang merupakan sebahagian dari 35 buah kampus UiTM di seluruh Malaysia.

Kerjasama aktif dan rapat di antara UNISSA dengan UiTM khususnya UiTM Cawangan Sabah dan Sarawak merupakan faktor yang mendorong untuk memperluaskan lagi bidang kerjasama yang sedia ada.

Antara bentuk kerjasama yang telah dijalankan oleh UNISSA dan UiTM adalah penganjuran bersama KAIB, yang mana UNISSA telah menjadi tuan rumah bagi Persidangan KAIB Ke-8 pada tahun 2015.

Persidangan KAIB yang diadakan secara kolaborasi setiap tahun adalah aktiviti dan wadah bagi para penyelidik dan para tenaga akademik berkongsi penemuan terkini dan hasil kajian mereka, di samping membahaskan isu dan permasalahan yang dihadapi serta bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman untuk mempelajari cara terbaik menangani sesuatu isu.

KAIB juga dihasratkan dapat menyemarakkan lagi kegiatan ilmiah dalam kalangan para akademik di institusi-institusi pengajian Islam di rantau ini dan di Borneo secara amnya, dan di UNISSA dan UiTM khususnya.

Persidangan KAIB yang diadakan secara bergilir oleh IPT di Kepulauan Borneo tersebut juga pernah diadakan di Universitas Lambung Mangkurat (ULM), Banjarmasin Kalimantan Selatan, Universitas Mulawarman (UNMUL) Samarinda Kalimantan Timur, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan UiTM Sabah dan Sarawak.

Selain itu, wakil UNISSA juga telah menghadiri Persidangan Rektor-Rektor Universiti Borneo pada tahun 2016 atas jemputan UiTM Sarawak yang berlangsung di ULM, Banjarmasin, Kalimantan Selatan, Indonesia bagi merancang dan membincangkan bentuk kerjasama yang lebih erat di antara institusi-institusi pengajian tinggi di Kepulauan Borneo.

Juga hadir pada majlis penandatanganan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pendidikan, Pengarah-Pengarah Kementerian Pendidikan, pegawai-pegawai utama dan kanan UNISSA dan pegawai-pegawai dari UiTM.

Kukuhkan kefahaman dan penghayatan Islam



SEORANG penceramah dari Pejabat Hal Ehwal Masjid ketika menyampaikan ceramah mengenai asas penghayatan beragama.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

PEKAN MUARA, Sabtu, 25 Mac. - Para belia dan beliawanis di bawah Zon 2A dan Zon 2B telah berpeluang menghadiri Kursus Kefahaman dan Penghayatan Islam yang diadakan di Masjid Setia Ali Pekan Muara (MSAPM), di sini.

Para peserta kursus berkenaan terdiri dari masjid-masjid kampung di Pekan Muara, iaitu Sungai Besar,

Para peserta kursus berkenaan terdiri dari masjid-masjid kampung di Pekan Muara, iaitu Sungai Besar,



Kapok, Perpindahan Serasa, Sungai Besar, Sungai Bunga, Batu Marang dan Tanah Jambu.

Pengisian kursus antaranya menerangkan mengenai Islam sebagai pemandu dunia dan akhirat, memahami hikmah sesuatu ibadah asas penghayatan beragama serta Islam dan alam remaja yang disampaikan oleh penceramah-penceramah dari Pejabat Hal Ehwal Masjid.

Kursus itu bertujuan untuk memberikan pengisian kerohanian sempena cuti penggal persekolahan melalui ceramah-ceramah yang bertemakan kefahaman dan penghayatan Islam.

Para peserta juga dihasratkan akan dapat memahami dengan betul berkaitan dengan ajaran Islam dan seterusnya mencetuskan penghayatan dan pengalaman berterusan yang jauh dari penyelewangan dan kesesatan.

Kursus tersebut dijalankan agar

SEBAHAGIAN belia yang menghadiri Kursus Kefahaman dan Penghayatan Islam yang diadakan di Masjid Setia Ali Pekan.

ia dapat mencapai objektif, iaitu memberikan pemahaman yang betul berkaitan dengan ajaran Islam sebenar; berusaha ke arah pengisian kerohanian dan pengukuhan beragama kepada para peserta; pemangkin ke arah kesedaran beragama dan pelaksanaan amal soleh serta dapat menjalinkan kerjasama yang lebih erat dan

silaturahim yang berterusan.

Kursus Kefahaman dan Penghayatan Islam yang diadakan selama sehari itu dianjurkan oleh Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir MSAPM.